

BAHASA MELAYU TINGKATAN 3 – 14 JUN 2020

Baca nota di bawah dan jawab latihan yang berikut.

Soalan Pengetahuan Sistem Bahasa dikemukakan dalam Kertas 1(02/1). Sistem bahasa yang diuji ialah bahagian Morfologi dan Sintaksis. Soalan Sintaksis dalam Bahagian A merupakan soalan tentang ayat yang diuji dalam bentuk Item Objektif Aneka Pilihan (OAP) dan bentuk Item Objektif Pelbagai Pilihan (OPB) manakala Bahagian B merupakan soalan tentang ayat yang meminta calon menulis jawapan di ruangan yang disediakan.

Ayat Dasar

Ayat dasar bermaksud ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa. Semua ayat itu boleh dikesan rangka dasarnya sebagai berasal daripada beberapa pola tertentu.

Pola-pola rangka ayat itulah yang disebut *pola ayat dasar* bagi sesuatu bahasa. Daripada pola-pola ayat itulah terbit ayat yang lain, sama ada:

- (i) ayat tunggal
- (ii) ayat majmuk
- (iii) ayat pendek
- (iv) ayat panjang
- (v) ayat aktif atau ayat pasif

Dalam bahasa Melayu, pola ayat dasar boleh dibahagikan kepada empat jenis:

	Konstituen Subjek	Konstituen Predikat
1	Frasa Nama	Frasa Nama
2	Frasa Nama	Frasa Kerja
3	Frasa Nama	Frasa Adjektif
4	Frasa Nama	Frasa Sendi Nama

Empat jenis unsur pengisi konstituen predikat akan menubuhkan empat jenis pola ayat dasar bahasa Melayu, seperti yang berikut:

Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	Frasa Nama Encik Majid	Frasa Nama ketua kerani.
Pola 2	Frasa Nama Abang mereka	Frasa Kerja sedang tidur.
Pola 3	Frasa Nama Gadis berkebaya biru itu	Frasa Adjektif amat anggun.
Pola 4	Frasa Nama Rumah datuk saya	Frasa Sendi Nama di Kuala Lipis.

Empat pola ayat dasar dengan unsur-unsurnya boleh dilihat seperti berikut:

- Pola 1 : Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)
- Pola 2 : Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)
- Pola 3 : Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)
- Pola 4 : Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS)

Walaupun dalam contoh-contoh pola ayat dasar, seperti yang di atas, konstituen-konstituen terbentuk daripada dua perkataan, namun tiap-tiap konstituen boleh mengandungi hanya satu perkataan, kecuali pola (4) yang konstituen predikatnya mesti terdiri daripada kata sendi nama diikuti oleh kata nama atau frasa nama, seperti yang terdapat dalam contoh-contoh berikut:

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	<i>Frasa Nama</i> Munirah	<i>Frasa Nama</i> pensyarah.
Pola 2	<i>Frasa Nama</i> Para petani	<i>Frasa Kerja</i> bekerja.
Pola 3	<i>Frasa Nama</i> Kanak-kanak	<i>Frasa Adjektif</i> sihat.
Pola 4	<i>Frasa Nama</i> Shah Alam	<i>Frasa Sendi Nama</i> di Selangor


Konstituen-konstituen di atas boleh juga mengandungi satu perkataan atau lebih, asalkan binaan-binaan itu masih lagi berbentuk frasa. Contoh-contoh pola ayat dasar yang mengandungi lebih daripada satu perkataan dalam subjek dan predikatnya adalah seperti yang berikut:

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	<i>Frasa Nama</i> Puan Munirah	<i>Frasa Nama</i> pensyarah bahasa Melayu.
Pola 2	<i>Frasa Nama</i> Para petani	<i>Frasa Kerja</i> bekerja keras di tengah sawah.
Pola 3	<i>Frasa Nama</i> Kanak-kanak	<i>Frasa Adjektif</i> sungguh sihat dan gembira.
Pola 4	<i>Frasa Nama</i> Bandaraya Shah Alam	<i>Frasa Sendi Nama</i> di Selangor

Soalan 1 - 2


Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Ketua murid itu sedang _____ bunga ke dada Tan Sri Zainal Abidin dalam kunjungan rasmi beliau ke SMK Bagan Desa.
- | | |
|---------------|---------------|
| A menyematkan | C menampalkan |
| B memadankan | D memasangkan |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Kelihatan seorang bapa memimpin anak-anaknya untuk _____ jalan raya yang sibuk itu.
- | | |
|---------------|----------------|
| A melintasi | C mengharungi |
| B merintanggi | D menyeberangi |

Soalan 3 - 4

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 3 **Kenaikan harga barang pada musim perayaan telah menyebabkan orang ramai berhati-hati ketika berbelanja.**
- A Orang ramai digesa berhati-hati ketika harga barang naik pada musim perayaan.
 - B Ketika harga barang naik pada musim perayaan, orang ramai hendaklah berhati-hati ketika berbelanja.
 - C Orang ramai mengambil langkah berjimat cermat walaupun ketika harga barang naik pada musim perayaan.
 - D Akibat harga barang pada musim perayaan yang semakin meningkat, orang ramai akan berjimat cermat untuk berbelanja.
- 4 **Malaysia akan mencapai status negara maju kalau rakyatnya mementingkan ilmu pengetahuan.**
- A Rakyat haruslah mengutamakan ilmu pengetahuan untuk Malaysia mencapai taraf negara maju.
 - B Ilmu pengetahuan penting dalam mewujudkan kesejahteraan negara Malaysia sekiranya ingin maju.
 - C Rakyat diseru supaya mencapai kegemilangan melalui sikap rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan.
 - D Demi meningkatkan kemajuan Malaysia rakyat hendaklah berganding bahu menerusi budi bahasa yang cemerlang.

Soalan 5 - 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Pukulan kedua yang dilakukan Mustafa paling kuat.
II Rama-rama berterbangan ketika kami tiba di taman itu.
III Beberapa batang kelapa yang reput itu telah dibuang ke dalam sungai.
IV Kelima orang adik-beradik itu hidup miskin ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV
- 6 I Pengetua menghadahi buku catatan kepada murid yang rajin itu.
II Majlis persandingan Muhammad diserikan dengan nyanyian lagu Siti Norhaliza.
III Emak menjahit sepasang baju Melayu untuk adik untuk dipakainya pada hari raya nanti.

IV Cikgu Kamala menghidangi tetamunya makanan yang lazat kepada anak-anak muridnya.

A I dan II

C I, II dan III

B III dan IV

D II, III dan IV

BAHAGIAN B

1 Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama+Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama+Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama+Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama+Frasa Sendi Nama (FN+FS)

(i) Datuk Norman Ali Pengarah Urusan Syarikat Percetakan Norman.

(ii) Pramugari dan pramugara itu sedang menghidangkan makanan untuk para penumpang.

(iii) Suasana perkahwinan pengantin diraja itu sungguh meriah dengan kehadiran tetamu dari luar negara.

(iv) Rozanalela dan Jaleha menelaah pelajaran mereka hingga lewat malam.

(v) Program Kembara Jalur Gemilang itu di perkampungan orang Asli.

2 Susun perkataan-perkataan yang diberikan di bawah agar menjadi ayat yang berpolakan Frasa Nama+Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama+Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama+Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama+Frasa Sendi Nama (FN+FS).

- (i) begitu teruja jenis makanan gerai makan itu
pelbagai para pengunjung dengan

Pola Ayat	Subjek	Predikat
FN+FA		

- (ii) Puan Halimaton kilang kerepek sagu pengurus besar

Pola Ayat	Subjek	Predikat
FN+FN		

- (iii) barang-barang Stadium Tertutup Kuala Selangor
di pameran perabot

Pola Ayat	Subjek	Predikat
FN+FS		

- (iv) Zuraiha amat cantik sungguh baju kebarung
sulaman jahitan

Pola Ayat	Subjek	Predikat
FN+FA		

- (v) melaksanakan tanaman membekalkan oksigen
untuk penggiliran Jabatan Pertanian Negeri Pahang

Pola Ayat	Subjek	Predikat
FN+FK		